


U N I V E R S I T I S A I N S M A L A Y S I A

LATIHAN ILMIAH
BAHAGIAN GEOGRAFI

FELCRA RAMUAN CHINA
(RANCANGAN TANAH BELIA)

SATU TINJAUAN ASPEK-ASPEK SOSIO-EKONOMI
PARA PESERTA

O L E H
MOHD AMIN HJ ABU HASAN
8335/81



Untuk
ibunda Hajah Loha yang dikasihi,
isteri Kalsom yang dicintai
dan anakanda-anakanda
Salwana, Noorul Filzah dan Hanisah
yang disayangi

KANDUNGAN

Abstrak.....	i
Penghargaan.....	iii
Daftar Peta.....	v
Daftar Jadual.....	vi
BAB I : <u>PENDAHULUAN</u>	1
1.1 Pembangunan Tanah di Malaysia.....	1
1.2 Pembangunan Tanah di Negeri Melaka.....	8
1.3 Pembangunan Tanah oleh FELCRA.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	15
1.5 Metodologi Kajian.....	16
1.6 Kawasan Kajian.....	19
BAB II : <u>LATAR BELAKANG FELCRA RAMUAN CHINA</u> <u>DAN PESERTA-PESERTANYA</u>	23
2.1 Objektif Pembukaan Felcra Ramuan China....	23
2.2 Penubuhan Rancangan Felcra Ramuan China...	24
2.3 Pengambilan Peserta.....	26
2.4 Latar Belakang Peserta.....	27
2.5 Pentadbiran Felcra Ramuan China.....	36
BAB III : <u>KEHIDUPAN SOSIAL PESERTA-PESERTA DI</u> <u>PERINGKAT AWAL DAN SEKARANG</u>	43
3.1 Kehidupan Peserta di Peringkat Awal.....	43
3.2 Penyesuaian Peserta di Rancangan Felcra Ramuan China.....	45
3.3 Sikap Peserta Terhadap Pertanian.....	47

3.4	Sikap Peserta Terhadap Penggunaan Teknologi Moden Dalam Pertanian.....	48
3.5	Penjagaan Ladang dan Pemungutan Hasil.....	49
3.6	Tatatertib dan Denda.....	52
3.7	Hubungan Peserta Dengan Pentadbir Rancangan	54
3.8	Hubungan Peserta Dengan Peserta.....	56
3.9	Aktiviti Sosial Yang Lain.....	56
3.10	Hak Cuti.....	59

BAB IV : ASPEK-ASPEK KEGIATAN EKONOMI PESERTA-

	<u>PESERTA</u>	61
4.1	Pemilikan Hak Tanah.....	61
4.2	Pengeluaran Hasil Getah Felcra Ramuan China.....	62
4.3	Pendapatan Peserta Dari Pengeluaran Hasil Getah.....	64
4.4	Perbelanjaan dan Hutang Pengurusan.....	72
4.5	Hutang Peserta Kepada Felcra.....	75
4.6	Projek Ekonomi Peserta Felcra Ramuan China.	76
4.7	Koperasi Felcra Ramuan China.....	81
4.8	Kedai Separuh Kekal (Lock Up Stall) FRC....	89
4.9	Tabung Kebajikan.....	91
4.10	Perubahan Ekonomi.....	92

BAB V : RUMUSAN DAN CADANGAN.....

5.1	Rumusan.....	95
5.2	Cadangan.....	102

ABSTRAK

Felcra Ramuan China adalah sebuah rancangan pembangunan tanah yang dilakukan oleh FELCRA di bawah program Rancangan Tanah Belia. Rancangan ini menempatkan seramai 147 orang peserta yang terdiri dari belia dan mengusahakan tanaman getah. Tujuan FELCRA memajukan rancangan ini ialah untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan ladang kepada belia-belia dan mewujudkan kawasan perladangan yang teratur dan berhasil tinggi di samping melahirkan golongan belia yang boleh berdikari dan progresif.

Selain dari mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia-belia, rancangan ini juga telah memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara di mana sehingga kajian ini dilakukan rancangan telah menghasilkan lebih 2 juta kilogram getah yang bernilai lebih 4 juta ringgit.

Penyertaan belia-belia di dalam rancangan ini telah membawa perubahan sosio-ekonomi kepada mereka. Sebelum menyertai rancangan ini hampir semua mereka mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan (garis kemiskinan ialah \$250.00 perkapita sebulan). Tetapi selepas menjadi peserta pendapatan mereka kini melebihi \$400.00 sebulan. Di samping itu mereka juga telah memiliki barang-barang perlu/mewah seperti